

Terima keputusan Lina Joy – PM

um- 1/6/2007

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 31 Mei – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta rakyat supaya menerima keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Azlina Jailani atau Lina Joy dengan terbuka dan tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi emosi.

Perdana Menteri berkata, sekiranya masyarakat menerima keputusan itu dengan emosi dikhuatiri ia boleh menimbulkan pelbagai syak wasangka.

“Kalau kita membenarkan emosi mempengaruhi kita, kita fikir macam-macam, syak itu, syak ini,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Daganan Dunia Putra di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas keputusan Mahkamah Persekutuan semalam menolak permohonan Lina Joy yang mengaku murtad sejak 17 tahun lalu untuk menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalnya dengan penghakiman secara majoriti 2-1.

Mahkamah menegaskan Azlina, 42, yang menukar namanya kepada Lina Joy perlu mendapatkan perakuan daripada Mahkamah Syariah bahawa dia telah murtad sebelum Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) boleh menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalnya.

Menurut Abdullah, kerajaan tidak pernah mempengaruhi mahkamah dalam membuat sesuatu keputusan.

“Tiada campur tangan politik. Ini keputusan mahkamah dan saya percaya hakim yang membuat keputusan ini telah mengambil kira semua aspek,” tegas beliau.

Dengan keputusan itu juga kata Perdana Menteri, ia tidak bermakna Malaysia menolak agama Kristian seperti yang dil-

porkan BBC yang bertajuk *Malaysia Reject Christianity*.

“Jika Malaysia menolak agama Kristian, tidak adalah agama itu di negara ini. Tidak adalah gereja-gereja,” katanya.

Ditanya sama ada keputusan Mahkamah Persekutuan itu akan melebarkan jurang perbezaan agama di negara ini, Abdullah berkata: “Saya tidak fikir ada jurang perbezaan yang luas walaupun perbincangan berhubung agama semakin meluas.”

Mengenai persepsi buruk masyarakat antarabangsa terhadap negara berikutan penyiaran meluas keputusan kes berkenaan, Perdana Menteri berkata, tidak banyak yang boleh dilakukan kerana ia adalah keputusan mahkamah.


“Ada banyak keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah dan banyak juga yang tidak menggembarakan sesetengah pihak, apa yang kita boleh buat,” ujarnya.

Pada masa yang sama, Abdullah turut menyangkal dakwaan seorang wartawan media asing bahawa undang-undang Islam kini mengatasi Perlembagaan Persekutuan negara ini.

“Tak ada perkara macam itu (undang-undang Islam mengatasi Perlembagaan Persekutuan). Perlembagaan Persekutuan ialah Perlembagaan Persekutuan. Ada satu set undang-undang yang perlu kita patuhi. Ia merupakan sesuatu yang perlu kita patuhi, itu sahaja,” katanya.

Dalam penghakiman semalam, Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Alauddin Mohd Sherif menolak rayuan tersebut, manakala Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Datuk Richard Malanjum membenarkan permohonan itu.

Abdullah Ahmad Fairuz berkata, JPN berhak mengenakan syarat kepada Lina Joy supaya mengemukakan sijil atau deklarasi



ABDULLAH Ahmad Badawi memperkatakan sesuatu kepada para wartawan sambil diperhatikan Najib Tun Razak pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato' Onn, Kuala Lumpur semalam.

— Gambar ABD RAHMAN SALEH

atau perintah Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dia murtad sebelum boleh menggugurkan perkataan 'Islam' daripada kad pengenalnya itu.

Hakim Malanjum pula berpendapat arahan JPN supaya Lina Joy mengemukakan

sijil murtad dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan tidak munasabah kerana walaupun jabatan tersebut tidak melakukan apa-apa kesalahan undang-undang, namun adalah mustahil bagi syarat itu dipatuhi.